

Kedudukan Mustafa Jabar dibincang dalam MT UMNO

KUALA LUMPUR, Selasa — Majlis Tertinggi UMNO yang bersidang 9 Oktober ini akan membincangkan beberapa isu penting termasuk kedudukan Datuk Haji Mustafa Jabar selaku Setiausaha Agung UMNO.

Datuk Haji Mustafa sebelum ini beberapa kali menyebut bahawa beliau sedia mengundurkan diri dari

memegang jawatan Setiausaha Agung Parti jika diizinkan oleh Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau telah menyerahkan surat perletakan jawatan tahun lalu sebaik sahaja Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil alih pucuk pimpinan parti.

Bagaimanapun, hasratnya itu tidak direstui oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan beliau terus memegang pucuk

jawatan tersebut sehingga hari ini.

"Saya berhasrat meletak jawatan untuk memberi peluang kepada orang-orang lebih muda memandangkan usia saya sudah mencapai 60 tahun," ujarnya ketika diminta menghuraikan sebab-sebabnya.

Bekas Timbalan Menteri itu menambah, "Bagaimanapun, saya sentiasa patuh dengan keputusan pucuk pimpinan.

"Saya ahli parti dan terpaksa mematuhi keputusan yang dibuat oleh pemimpin," ujarnya lagi.

Bagaimanapun, Berita Harian difahamkan kemungkinan besar Datuk Seri Dr. Mahathir menerima perletakan jawatannya itu adalah besar memandangkan beberapa tokoh UMNO dikatakan berminat memegang jawatan tersebut.

Jawatan Setiausaha Agung merupakan yang terpenting dalam parti yang mempunyai hampir sejuta ahli itu.

Difahamkan juga, Majlis Tertinggi UMNO mahu mencari seorang yang berkecuali memegang jawatan tersebut seperti yang diamalkan oleh Datuk Haji Mustafa selama ini.

Jika Majlis Tertinggi UMNO gagal mencapai kata sepakat mengenai siapa menjadi Setiausaha Agung, kemungkinan besar Datuk Haji Mustafa akan kekal sehingga tahun 1984.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia